


Draf Perisytiharan Rajaz ditandatangani 4 Julai - Mahathir

 Oleh
Abdul Aziz Ishak

KUALA LUMPUR 8 Jun — Draf Perisytiharan Raja-raja Melayu yang telah dipersetujui oleh Raja-raja Melayu akan ditandatangani pada 4 Julai ini, menandakan bermulanya era baru dalam hubungan kerajaan dan istana.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad ketika mengumumkan perkara itu berkata, draf itu sudah muktamad dan tidak ada sebarang pindaan lagi.

Katanya, draf itu juga akan dikemukakan kepada kabinet untuk makluman

serta mendapatkan pandangan anggota-anggota kabinet.

Beliau memberitahu, kandungan draf itu akan diumumkan kemudiannya.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO menyatakan perkara itu pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Tertinggi (MT) UMNO di sini hari ini.

Beliau menjelaskan, persetujuan raja-raja mengenai perkara itu sudah dicapai sebelum ini berdasarkan enam perbincangan yang diadakan antara wakil kerajaan dengan Raja-raja Melayu.

"Majlis menandatangani perisytiharan pada 4 Julai ini hanyalah formaliti sahaja," katanya.

Penetapan tarikh menandatangani perisytiharan draf ini merupakan perkembangan terbaru dalam usaha memastikan hubungan antara kerajaan dan Raja-raja Melayu terjalin baik dan akrab.

Dalam pertemuan pada 25 April lalu, Raja-raja Melayu bersetuju dengan semua perkara pokok yang terkandung dalam draf terakhir 'Perisytiharan Raja-raja' yang dirangka oleh MT UMNO.

Naib Presiden UMNO, Dato' Sri Anwar Ibrahim sebelum ini memberitahu, semua perkara utama dalam draf 12 muka itu diterima dengan baik oleh raja-raja dan apa yang perlu dilakukan selepas ini ialah

sedikit suntingan serta susunan perkataan.

MT pada mesyuarat bulan lalu telah menyemak, membincang, serta membuat pindaan ke atas dokumen Draf Tatacara Perilaku Raja-raja yang disediakan oleh tujuh anggota MT, sebelum memutuskan untuk dikemukakan kepada raja-raja.

Penyediaan tatacara itu dipersetujui ekoran majlis mengadap raja-raja oleh semua anggota MT kecuali Presiden dan Timbalan Presiden bagi mempersembahkan memorandum mengandungi pandangan UMNO mengenai pembabitan istana dalam politik, pentadbiran dan perniagaan pada 25 Februari lepas.